

Headline	Kempas 2008 pupuk pelajar sayangkan khazanah alam
Date	04. Jun 2008
Media Title	Berita Harian
Section	SUP
Circulation	217920
Readership	2083000
Language	MALAY
Page No	2
Article Size	629 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Kempas 2008 Pupuk Pelajar Sayangkan Khazanah Alam

Oleh Khairina Yasin

Khazanah alam semula jadi negara yang tinggi nilaiannya disifatkan sebagai peninggalan paling berharga kepada generasi muda untuk dijaga dan dipulihara sehingga tiba masa untuk diwarisi generasi seterusnya.

Melihat kepada keperluan generasi muda mendalamai khazanah alam semula jadi, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Pelajaran buat kali kedua meneruskan penganjuran Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) 2008 di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, baru-baru ini.

Kem selama lima hari bertemu Hutan Sebagai Sumber Khazanah Alam itu disertai 48 pelajar sekolah menengah seluruh negara bermatlamat memupuk kesedaran pelajar terhadap kepentingan alam semula jadi.

Setiap negeri kecuali Pahang, Kelantan, Melaka dan Sarawak diwakili pasukan terdiri daripada tiga pelajar Tingkatan Empat daripada sekolah yang menujuari pertandingan Kuiz Sains Alam Semula Jadi peringkat negeri masing-masing.

Komandan Kempas 2008, Dr Mohd Nazre Salleh, berkata empat modul ditekankan sebagai pengisian kem merangkumi modul tanah, flora, air dan hidupan liar.

Katanya, bermula hari pertama kem pelajar sudah didekah dengan suasana hutan pada waktu malam yang menyimpan seribu satu rahsia yang tersendiri selain merasai pengalaman berada dalam hutan.

"Keseronokan berterusan sehingga ke hari kedua dan ketiga apabila pelajar diajak mengenali flora dan mengkaji tanah serta air dalam hutan selain perlu menyiapkan

FAKTA

Penerima Anugerah Kempas 2008

- Anugerah Perdana Alam Wong Yen Siang (SMK St Anthony)
- Anugerah Tunas Alam Lim Su Kwan (SM Sains Tuanku Jaafar)
- Anugerah Kepimpinan Alam Zulhelman Roslan (Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah)
- Anugerah Kreativiti Alam Olga Binson (SMK Kota Marudu)



Jeffnee Aziz

projek saintifik masing-masing yang kemudian dibentangkan dalam bentuk laporan," katanya.

Tahun ini, peserta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Anthony, Ipoh Perak yang diwakili



Emily Gilbert

Wong Yen Siang, Muhammad Shafiq Azid dan Jason Ng Kin Kit muncul juara Kempas 2008 sekali gus membawa pulang piala pusingan Periuk Kera, wang tunai RM500 dan sijil penyertaan.

Tempat kedua diraih SM Sains Tuanku Jaafar dan Kolej Tunku Khursiah, Seremban, Negeri Sembilan, masing-masing menerima wang tunai RM400 dan RM300 berserta sijil penyertaan.

Hadiah disampaikan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew yang hadir merasmikan majlis penutup Kempas 2008.

Hadir sama, Pengurus Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar ExxonMobil, Puan Grace Choo Sor Mooi, wakil Kementerian Pelajaran, Encik Mohd Fadil Mohd Jaafar dan Pengarang Pendidikan Berita Harian, Encik Zainor Said.

Peserta kem, Grace Lee Li Wei dari SMK Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang, berkata kesempatan mempelajari sifat pelbagai jenis flora dan fauna, terutama spesies yang hidup dalam habitat semula jadinya adalah sesuatu yang sukar dilupakan.

"Saya akan berkongsi pengalaman ini dengan rakan sekolah supaya lebih ramai mengetahui mengenai kekayaan alam semula jadi tempatan dan berusaha melindunginya daripada tercemar," katanya.

Pelajar SM Sains Kuala Terengganu, Jeffnee Aziz, berkata sebelum ini dia hanya mengenali flora dan hidupan liar semula jadi melalui buku atau televisyen dan penyertaannya dalam Kempas membolehkan dia melihat sendiri keajaiban kepelbagaiannya biologi hutan.

"Aktiviti ini memerlukan saya berfikir dan mengkaji pelbagai aspek berkaitan hutan yang jarang diteroka golongan pelajar hari ini," katanya.

Lagi gambar di muka 15



Hari kedua dan ketiga pelajar diajak mengenali flora dan mengkaji tanah dan air dalam hutan selain perlu menyiapkan projek saintifik masing-masing yang kemudian dibentangkan dalam bentuk laporan"

- Dr Mohd Nazre



"Saya akan berkongsi pengalaman ini dengan rakan sekolah supaya lebih ramai mengetahui mengenai kekayaan alam semula jadi tempatan dan berusaha melindunginya daripada tercemar"

- Grace Lee



Wong (empat dari kanan) menunjukkan Piala Pusingan Periuk Kera kepada Dr Tai sambil diperhatikan rakan lain selepas menujuari Kempas 2008. - Gambar oleh L. Manimaran